



Hari Rabu
28 November 2001

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA**

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
Rang Undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001	3
Pembentangan Rang Undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Telok Bahang – Timbalan Ketua Menteri	5
Perbahasan Rang Undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Sungai Pinang – Looi Swee Cheang	12
Perbahasan Rang Undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Sungai Pinang – Looi Swee Cheang	17
Pembentangan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga – Y.A.B. Ketua Menteri	24
Perbahasan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)	27
Perbahasan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang 2001 oleh Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)	32

Perbahasan Rang Undang-undang Badan-badan
Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang
2001 oleh Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik
Law Heng Kiang) 33

Perbahasan Rang Undang-undang Badan-badan
Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang
2001 oleh Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji
Abdul Rahman bin Abdul Kadir) 34

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KETIGA

Hari Rabu : 28 November 2001

*(Tempat : Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.*

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid)
- Dato' Speaker
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) – Timbalan Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)
Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman Khairuddin)
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin Alang Endut)
Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)
Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah
“ Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)

- " Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
- " Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum)
- " Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
- " Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
- " Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
- " Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
- " Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- " Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
- " Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
- " Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
- " Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
- " Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
- " Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
- " Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- " Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
- " Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- " Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
- " Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhammad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
- " Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- " Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- " Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan disambung semula pada jam 9.45 pagi.

DOA.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan di sambung semula.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya di bacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya di bacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk mengadakan peraturan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

Dato' Speaker:

Rang Undang-Undang telah di bacakan bagi kali yang pertama.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon kebenaran Dato' Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk mencadangkan penggantungan Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini.

Dato' Speaker:

Saya beri kebenaran.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat digantung kuatkuasanya buat sementara bagi membolehkan Rang Undang-Undang Enakmen Mineral Negeri Pulau Pinang 2001 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini juga.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Masalah ialah cadangan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk menggantung Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang Enakmen Pulau Pinang 2001 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli Barisan Nasional:

"Ya"

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001
bacaan kali yang kedua.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 di baca bagi kali yang kedua.

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk membuat peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya di bacakan bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan suatu tatacara pentadbiran dan pengawal seliaan ataupun *administrative regularity frame work* yang lebih efisien dan berkesen bagi mengawal aktiviti perlombongan mineral di Negeri Pulau Pinang. Sebagai latar belakang Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini telah digubal berdasarkan kepada model Rang Undang-Undang Mineral Negeri yang telah digubal oleh Kerajaan Persekutuan untuk di terima pakai oleh semua negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini menerima pakai Rang Undang-Undang berkenaan adalah perlu bagi membolehkan dasar Mineral Negara dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar Mineral Negara oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan menyediakan suatu sistem perundangan yang moden dan pandangan ke hadapan bagi membolehkan sektor Mineral Negara di permodenkan dan dimajukan sebagai satu sektor yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Majlis Tanah Negara dalam mesyuaratnya yang ke 47 dan yang ke 48 telah bersetuju dengan dasar tersebut supaya semua negeri menerima pakai model Enakmen Mineral Negeri. Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang ke-77 juga telah membuat keputusan yang sama.

Dato' Speaker, pelaksanaan menyeluruh Dasar Mineral Negara memerlukan pemakaian serentak 2 perundangan yang berasingan tetapi saling sokong menyokong antara satu dengan yang lain iaitu Akta Pembangunan Mineral yang telahpun diluluskan dalam tahun 1994 di peringkat Persekutuan dan Enakmen Mineral Negeri di peringkat negeri. Kedua-dua perundangan memperjelaskan lagi peranan serta kuasa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengikut Jadual 9

Perlembagaan Persekutuan. Di samping memperjelaskan lagi kuasa serta peranan kerajaan negeri enakmen yang dicadangkan ini akan mengadakan rangka kerja yang mampu mendorong aktiviti penjelajahan, pengusaha hasil serta pelaburan dalam membangunkan sektor mineral dan industri nilai tambah mineral di negeri ini. Pada masa ini sektor perlombongan negeri ini masih di kawal di bawah Enakmen Melombong Bab 147 yang di gubal sebelum merdeka lagi dan di panjangkan ke Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1967 melalui Enakmen 3 Tahun 1967. Penekanan Enakmen Melombong Bab 147 ialah kepada perlombongan dedaah ataupun *open mining* dan *alluvial* yang pada masa dahulu merupakan satu cara melombong yang biasa bagi bijih timah. Untuk menangani isu yang timbul hasil daripada perubahan cara melombong dan juga untuk merangkumi penjagaan alam sekitar maka Enakmen Melombong Bab 147 perlu digantikan dengan satu enakmen yang sesuai bagi keperluan masa kini dan juga masa hadapan.

Dato' Speaker, secara amnya enakmen ini mempunyai peruntukan terperinci mengenai mencari gali pajakan melombong penggunaan air, tenemen kecil seperti lesen melombong *individual*, lesen memfosik dan sebagainya. Lesen melombong tuan punya melombong di bawah tanah bermilik dan obligasi kewangan. Saya akan menghuraikan dan menekankan beberapa ciri utama enakmen yang di cadangkan ini berbanding dengan Enakmen Melombong Bab 147. Dari segi pentadbiran di bawah Enakmen Melombong Bab 147 pentadbir utama mengenai perlombongan ialah pegawai-pegawai daripada Jabatan Galian iaitu Merinyu Kanan Galian dan Merinyu Galian, manakala urusan cari gali dan tanah lombong ialah di bawah Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah. Dalam Enakmen yang dicadangkan struktur pentadbirannya adalah lebih tersusun, ini jelas di lihat dari peruntukan berikut:-

- a) Pembentukan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri ataupun *State Mineral Resources Committee* untuk menapis semua permohonan cari gali dan pajakan melombong dan membuat perakuan sebelum di angkat kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi mendapatkan keputusan. Keanggotaan jawatankuasa adalah seperti di huraikan dalam fasal 4.
- b) Peruntukan perwakilan kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Tanah dan Galian dan juga perwakilan kuasa atau fungsi Pengarah Tanah dan Galian kepada pegawai tertentu seperti Pendaftar Hakmilik, Pentadbir Tanah dan Pegawai Penempatan. Ini bertujuan untuk melicinkan pentadbiran Enakmen Mineral yang dicadangkan ini.

- c) Peruntukan mengenai perlantikan pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan Enakmen Mineral ini. Dalam enakman yang dicadangkan ini pengurusan pendaftaran dan pengeluaran tenemen mineral di pusatkan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Selain daripada peruntukan yang dinyatakan tadi Pihak Berkuasa Negeri di beri kuasa untuk menutup kawasan yang tidak boleh dikeluarkan sebarang tenemen mineral. Menentukan kawasan yang terbuka untuk tawaran persaingan atau *competitive bidding*. Mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai *reserve* mineral. Pihak Berkuasa Negeri juga mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi memperlengkapkan pelaksanaan Enakmen Mineral yang dijalankan ini. Di samping itu pegawai yang dilantik juga diberi kuasa untuk menyiasat dan mendakwa kesalahan-kesalahan di bawah enakmen ini.

Dato' Speaker, Enakmen Mineral yang dicadangkan ini memberi perhatian yang mendalam kepada aspek penjagaan alam sekitar berbanding dengan Enakmen Melombong Bab 147 yang cuma memberi penekanan kepada pembuangan *effluent*. Terdapat peruntukan yang boleh menyekat seseorang pemegang pajakan melombong daripada memulakan kerja melombong sehingga pemegang pajakan tersebut mendapat kelulusan ke atas perkara-perkara berikut:-

- a) Kajian kebolehan laksanaan melombong atau *feasibility study*.
- b) Pelan pemulihan lombong atau *mine rehabilitation* pelan jika dikehendaki sedemikian.
- c) Penilaian alam sekitar ataupun EIA jika dikehendaki sedemikian Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974. Sekiranya kelulusan tersebut tidak dapat diperolehi dalam masa yang ditetapkan, pemegang pajakan melombong diberi peluang untuk membereskan perkara ini dalam tempoh yang dilanjutkan sekiranya pemegang pajakan melombong gagal berbuat demikian pajakannya boleh dilucut hak.

Selain daripada itu enakmen ini juga memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri melucutkan tanah melombong atas sebab pelanggaran peruntukan enakmen ini atau jika pemajak memungkirkan mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan tersebut. Walau bagaimanapun Pihak Berkuasa Negeri juga diberi kuasa untuk mengambil tindakan yang lebih ringan seperti mengenakan denda dan meremedikan kemungkiran atau pelanggaran tersebut.

Dato' Speaker, dalam aspek cari gali pula, Enakmen Mineral ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menangani urusan cari gali bukan sahaja atas tanah kerajaan tetapi juga atas tanah yang bermilik. Prosedur permohonan dan pengeluaran hak mencari gali dinyatakan dengan terperinci dan jelas dalam enakmen yang dicadangkan ini. Walau bagaimanapun cuma lesen penjelajahan dan lesen mencari gali sahaja yang dikeluarkan dan tiada peruntukan bagi pengeluaran permit cari gali di masukkan. Sebagai tambahan untuk kemudahan pelabur pula ada peruntukan dalam Enakmen Mineral bagi lesen mencari gali dengan keluasan batuan keras atau *prospecting license with hard rock extension* iaitu mencari gali mineral yang terdapat dalam deposit batuan keras. Dalam Enakmen Melombong Bab 147 kerja cari gali di atas tanah bermilik tidak perlu kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, pemilik cuma perlu memberi notis kepada Merinyu Galian dalam tempoh seminggu sebelum memulakan kerja cari gali. Keputusan cari gali cuma dilaporkan kepada Merinyu Kanan Galian dan Pengarah Kaji Bumi. Dalam Enakmen Mineral yang dicadangkan ini semua kerja mencari gali memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Peruntukan mengenai lesen penjelajahan dan lesen mencari gali jelas meletakkan tentang perkara-perkara berikut:-

- 1) Hak pemegang lesen
- 2) Syarat berkanun atau statutory condition
- 3) Terma dan syarat
- 4) Tempoh dan juga pembaharuan
- 5) Bayaran fee
- 6) Excess ke kawasan cari gali dan penjelajahan
- 7) Pemindah milikan
- 8) Luas kawasan
- 9) Perbelanjaan minimum tahunan
- 10) Laporan berkala mengenai kemajuan kerja cari gali dan keputusan cari gali
- 11) Pelepasan sukarela ataupun *voluntary reeling*

Dato' Speaker di bawah enakmen yang dicadangkan ini keutamaan diberi kepada pemegang lesen penjelajahan atau lesen mencari gali untuk mendapatkan pajakan melombong dalam kawasan mencari galinya. Peruntukan dalam Enakmen Mineral menghendaki pemegang lesen penjelajahan dan lesen mencari gali memulakan kerja dalam tempoh tertentu dan memberitahu Pengarah Tanah dan Galian dan pegawai lain yang berkaitan tarikh mula kerja lapangan. Enakmen Mineral menghendaki pemegang lesen penjelajahan dan lesen mencari gali memberitahu kepada Pengarah Tanah dan Galian sebarang penemuan mineral berpotensi dalam kawasan lesen. Sebarang penjualan apa-apa specimen oleh pemegang lesen penjelajahan dan lesen mencari gali perlu kebenaran Pengarah Tanah dan Galian dan hasil daripada penjualan itu tertakluk kepada bayaran royalti.

Pihak Berkuasa Negeri boleh membatalkan lesen mencari gali dan lesen penjelajahan jika pemegang lesen telah memungkirkan syarat yang dinyatakan atau melanggar peruntukan Enakmen Mineral Negeri. Pihak Berkuasa Negeri boleh meringankan hukuman dengan cara menghendaki pemegang lesen membayar denda meremedikan kemungkiran ataupun pelanggaran syarat yang dinyatakan.

Yang dinyatakan atau melanggar peruntukan Enakmen Mineral Negeri. Pihak Berkuasa Negeri boleh meringankan hukuman dengan cara menghendaki pemegang lesen membayar denda, meremedikan kemungkiran atau pelanggaran syarat yang dinyatakan.

Dato' Speaker, dalam aspek pajakan melombong pula, Enakmen Mineral yang dicadangkan ini memperuntukkan prosedur permohonan dan pengeluaran pajakan melombong secara terperinci melalui peraturan yang sedang disediakan. Tempoh dan pembaharuan pajakan melombong bergantung kepada hayat ekonomi maksimum pelombong tersebut tertakluk kepada maksimum 21 tahun. Pemindah milik pajakan melombong perlu kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan dalam Enakmen Mineral tiada peruntukan bagi *sub-list*. Ketiadaan peruntukan *sub-list* ini membuat pelabur lebih yakin pada permohonan bagi pajakan galian. Ini membuat pelabur lebih yakin bahawa permohonan bagi pajakan galian akan diutamakan pada yang benar-benar berkemampuan. Untuk melombong. Kemampuan diukur dari segi teknikal dan kewangan. Enakmen Mineral ini menetapkan bahawa pemegang pajakan melombong perlu memberi notis kepada pemegang tanah, Pengarah Tanah dan Galian apabila hendak memulakan kerja melombong. Ia juga menghendaki pemegang pajakan melombong memulakan kerja melombong dalam satu tempoh tertentu selepas pajakan melombong tersebut dikeluarkan.

Dalam enakmen melombong Bab 147 tiada terdapat peruntukan yang jelas mengenai pemeliharaan tanah lombong tapi dalam Enakmen Mineral yang saya cadangkan ini ada peruntukan bagi penubuhan tabung pemuliharaan lombong bagi lombong berskala besar dan tabung pemuliharaan bersama bagi lombong berkala kecil. Ini bertujuan bagi kerja pemuliharaan tanah lombong dapat dilaksanakan dengan teratur.

Dalam Enakmen Melombong Bab 147 kadar dan pengiraan nilai royalti ditetapkan oleh Menteri. Manakala dalam Enakmen Mineral yang saya cadangkan ini walaupun Menteri berkuasa menetapkan kadar maksimum royalti, Pihak Berkuasa Negeri berhak menetapkan kadar royalti. Untuk maksud ini enakmen ini memperuntukan kadar penentuan dan kadar royalti yang perlu dibayar.

Dato' Speaker, dalam kedua-dua Enakmen Melombong Bab 147 dan Enakmen Mineral Negeri, Pihak Berkuasa Negeri boleh membatalkan pajakan melombong jika pemajak tidak mula melombong tanah melebihi suatu tempoh yang tertentu. Dalam Enakmen Mineral yang dicadangkan ini, peruntukan ini turut diperluaskan bagi membolehkan pihak berkuasa negeri membatalkan pajakan melombong jika berlaku kemungkiran syarat yang dinyatakan atau pelanggaran peruntukan Enakmen Mineral Negeri terutama melibatkan pencemaran alam sekitar. Dalam Enakmen Mineral yang dicadangkan ini juga ada peruntukan bagi pemunya tanah bermilik atau penduduk berhak mendapat pampasan ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan akibat penjelajahan atau pencari galian itu atau pengendalian lombong.

Pengarah Tanah dan Galian boleh meletakkan amaun pampasan jika pihak yang terlibat tidak mencapai persetujuan. Di samping itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki pemunya lesen carigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong mendepositkan wang sebagai satu jaminan bagi tujuan bayaran pampasan. Dalam aspek penggunaan air, enakmen yang dicadangkan ini membolehkan pemegang pajakan melombong menggunakan air yang terdapat di atas tanah berkenaan tetapi tidak boleh mengganggu bekalan kepada pengguna lain. Pemegang pajakan melombong tidak boleh mengambil air daripada sungai atau melencongkan sungai tanpa mempunyai lesen air. Lesen air dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berasaskan permohonan pemegang pajakan melombong yang membuktikan bahawa bekalan air berterusan adalah perlu bagi aktiviti pelombongannya. Bayaran *fee* dikenakan ke atas pengeluaran lesen air ini. Lesen air dan permit air boleh digantung atau dibatalkan jika berlaku kemungkiran syarat kepada pelanggaran peruntukkan Enakmen Mineral Negeri. Pemegang lesen air juga perlu membayar

pampasana kepada pemilik tanah yang terjejas oleh saliran air yang digunakan bagi tujuan pelombongan. Peruntukan mengenai penggunaan air ini adalah tertakluk kepada Akta Air atau *Waters Act* Tahun 1920, Enakmen Bekalan Air Tahun 1998 dan Enakmen Kerja Penyaliran Tahun 1954.

Dato' Speaker, aspek melombong di bawah tanah bermilik dan juga *excess* tanah tersebut ada diperuntukkan dalam Enakmen Mineral iaitu Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi pajakan melombong untuk tanah di bawah tanah bermilik. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak terpakai kepada tanah *first grade* di negeri ini. Selain daripada itu, peruntukan bagi lesen melombong tuan mempunyai ataupun *priortory mining licence* diperlukan dalam Enakmen Mineral yang dicadangkan ini. Ini bertujuan memulihkan pemilik tanah pertanian menjalankan aktiviti pertanian di atas tanah miliknya tanpa perlu menyerahkan tanah untuk ditukar syarat terlebih dahulu. Dari segi aplikasi kewangan pula, bagi tujuan penyeragaman Enakmen Mineral ini memperuntukan:-

Pemegang Lesen mencari gali dan lesen penjelajahan dikenakan bayaran *fee*, pegangan tahunan. *Fee* yang ditetapkan, *fee* pembaharuan dan *fee* perluasan batuan keras.

Pajakan melombong dikenakan bayaran sewa tahunan.

Kadar royalti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berasaskan peratusan ataupun *percentage*, pasaran dan berat atau isi padu mineral yang dikeluarkan.

Dato' Speaker, Enakmen Mineral yang dicadangkan ini ditujukan khusus untuk perlombongan mineral, logam ataupun *metallic mineral* seperti timah, lana atau aluvium dan ia tidak merangkumi mineral bukan logam seperti pasir, tanah liat dan batuan yang diliputi oleh Tanah Kanun Negara. Pada masa ini, Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang sumber mineral logam dan potensinya setakat ini tidak diketahui. Sumber yang ada di negeri ini ialah lampung bebola tanah liat ataupun boilkelir yang merupakan sumber mineral bukan logam yang digunakan dalam industri seramik. Namun demikian, pelaksanaan enakmen ini adalah sesuai dan perlu untuk masa kini dan akan datang kerana ia digubal mengikut pembahagian bidang kuasa seperti dalam "Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan" dan juga untuk memberi faedah yang saksama pada kerajaan negeri dan juga pelabur. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Khee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Sekarang dibuka untuk perbahasan. Siapa ingin mengambil bahagian? Ya Ahli Kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Mineral 2001 seperti yang telah dikatakan, sungguhpun kita ada logam tapi adalah satu persediaan, kita pun tidak tahu, mungkin satu hari kita ada juga jumpa logam maka Rang Undang-undang ini adalah gunanya pada masa itu. Yang pertama saya rasa dia sudah buat penyelarasan untuk pelbagai akta-akta dulu supaya satu pelaksanaan projek-projek aktiviti perlombongan ini dapat diselaraskan. Selain dari itu, penekanan juga diberi kepada alam sekitar supaya kegiatan-kegiatan perlombongan logam ini dijalankan mesra alam.

Dato' Speaker, aspek yang ketiga juga telah ditumpukan pada keselamatan yang selama ini pun tidak ada penekanan yang sepenuhnya bagi keselamatan maka dengan adanya Rang Undang-undang ini kita dapat mengetatkan lagi aspek keselamatan di tapak dan juga terhadap pekerja-pekerja. Jadi kuasa pendakwaan juga telah diberikan kepada negeri dan termasuk juga pajakan. Jadi Negeri Pulau Pinang saya rasa sudah mempunyai lebih kuasa kalau ada jumpa logam untuk memberi pelesenan juga. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya rasa ini dapat memudahkan pelaburan secara amnya. Dato' Speaker, saya rasa ini satu Rang Undang-undang sungguhpun kita tidak ada tapi seperti yang di bawah peruntukan perlembagaan kita perlu juga adakan selaras dengan peruntukan perlembagaan. Dato' Speaker, saya ingin sentuh apa yang saya kata kelmarin ada sedikit kekeliruan tentang akhbar. Akhbar ini dia kata, sebenarnya saya tidak tujukan kepada akhbar. Apa yang saya tujukan adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada Dewan ini ada cakap Dewan satu..(gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat, tolong tepat, kepada perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Ya, ya sepertimana yang saya terangkan kepada *press* sahaja..(gangguan).

Ini sikit saja. Dua minit. Jadi apa Yang Berhormat dalam Dewan cakap satu, luar cakap yang lain dapat timbul kekeliruan. Itu saya maksud. Bukan sekat kebebasan, tidak ada, tidak ada langsung tapi ada *press* kata dia tersinggung kata saya sekat, tidak. Kalau ada itu, kalau dia rasa tersinggung saya boleh tarik balik dan minta maaf dalam Dewan ini juga, apa salah. Jadi, cukuplah..(gangguan).

Dato' Speaker:

Cukuplah Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Jadi, Dato' Speker dan terima kasih banyak. Itu saya tujuan dan saya memohon menyokong, terima kasih.

Dato' Speaker:

Terima kasih. Ada lagi yang hendak ambil bahagian? Kalau tidak ada saya hendak jemput Timbalan Ketua Menteri untuk menggulung.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Sungai Pinang kerana telah menyokong usul, perlembagaan ini. Sebenarnya beliau hendak cakap pasal lain. Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan.

Dato' Speaker:

"Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Barisan Nasional

"Ya."

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara."

Setiausaha:

"Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Tenemen Mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya."

Dato' Speaker:

"Rang Undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam jawatankuasa."

Setiausaha:

"Fasal 1 hingga 3."

Dato' Speaker:

"Fasal 1 hingga 3 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 4 hingga 6."

Dato' Speaker:

"Fasal 4 hingga 6. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 7 hingga 8."

Dato' Speaker:

"Fasal 7 hingga 8. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 9 hingga 11."

Dato' Speaker:

"Fasal 9 hingga 11. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 12 hingga 20"

Dato' Speaker:

"Fasal 12 hingga 20. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 21 hingga 27."

Dato' Speaker:

"Fasal 21 hingga 27. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 28 hingga 33."

Dato' Speaker:

"Fasal 28 hingga 33. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 34 hingga 40."

Dato' Speaker:

"Fasal 34 hingga 40. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 41 hingga 61."

Dato' Speaker:

"Fasal 41 hingga 61. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 62 hingga 80."

Dato' Speaker:

"Fasal 62 hingga 80. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 81 hingga 87."

Dato' Speaker:

"Fasal 81 hingga 87. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 88 hingga 91."

Dato' Speaker:

"Fasal 88 hingga 91. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 92 hingga 93."

Dato' Speaker:

"Fasal 92 hingga 93. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

Fasal 94 hingga 98."

Dato' Speaker:

"Fasal 94 hingga 98. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 99 hingga 114."

Dato' Speaker:

"Fasal 99 hingga 114. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 115 hingga 125."

Dato' Speaker:

"Fasal 115 hingga 125. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 126 hingga 132."

Dato' Speaker:

"Fasal 126 hingga 132. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 133 hingga 144."

Dato' Speaker:

"Fasal 133 hingga 144. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 145 hingga 149."

Dato' Speaker:

"Fasal 145 hingga 149. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 150 hingga 174"

Dato' Speaker:

"Fasal 150 hingga 174. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 175 hingga 176."

Dato' Speaker:

"Fasal 175 hingga 176. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 177 hingga 187."

Dato' Speaker:

"Fasal 177 hingga 187. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 188."

Dato' Speaker:

"Fasal 188. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Fasal 189."

Dato' Speaker:

"Fasal 189. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Jadual Pertama."

Dato' Speaker:

"Jadual Pertama. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Setiausaha:

"Jadual Kedua."

Dato' Speaker:

"Jadual Kedua adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli Barisan Nasional:

"Ya"

Setiausaha:

"Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya."

Dato' Speaker:

"Tajuk penuh Fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?"

Ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 telah dipertimbangkan fasal demi se fasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

"Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju kata "Tidak."

Ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara."

Setiausaha:

"Enakmen Mineral Pulau Pinang 2001 maka dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Kuasa Perundangan Negeri Pulau Pinang."

Dato' Speaker:

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan."

Setiausaha:

"Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang 2001."

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan satu peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan Surcaj ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan Badan Berkanun Negeri di perbadankan oleh undang-undang negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

"Rang Undang-undang Bernama Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan Badan Berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya."

Dato' Speaker:

"Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama."

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon kebenaran Dato' Speaker di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk mencadangkan penggantungan peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang ini di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini.

Dato' Speaker:

Saya memberi kebenaran.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantung kuatkuasanya buat sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini juga.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Masalah ialah cadangan di bawah Peraturan di bawah Majlis Mesyuarat 118 untuk menggantung Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcharge Pulau Pinang 2001 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Dato' Speaker:

"Ya" sebulat suara."

Setiausaha:

"Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001 bacaan kali yang kedua."

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bernama Suatu Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001 dibacakan kali yang kedua.

Dato' Speaker, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan satu peraturan tatatertib dan juga peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pengenaan surcaj yang seragam ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan badan berkanun. Enakmen ini digubal berasaskan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj Tahun 2001 yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 31 Julai 2000 dan mulai berkuatkuasa mulai 1 November tahun 2000 di peringkat persekutuan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan Badan-badan Berkanun Persekutuan. Wujudnya akta tersebut di peringkat persekutuan adalah berpunca daripada

keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan kerajaan serta kajian lanjut oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang memperakukan supaya di adakan peraturan tatatertib yang seragam untuk badan-badan berkanun persekutuan berikutnya keputusan juga telah dibuat supaya peraturan tersebut dipanjangkan kepada badan-badan berkanun negeri kerana ada di antaranya yang telah dan sedang menghadapi masalah yang sama dalam mengadakan peraturan tatatertib masing-masing berasaskan peraturan tatatertib perkhidmatan awam. Antara masalah-masalah yang dikenal pasti ialah yang pertama badan-badan berkanun negeri terpaksa menentukan terlebih dahulu bahawa dalam Enakmen Perbadanan atau *Corporatization* badan-badan berkanun berkenaan terdapat satu peruntukan yang jelas bagi membolehkan satu peraturan tatatertib diadakan.

Yang kedua, badan-badan berkanun berkenaan juga perlu mengubahsuai di mana yang perlu nama, peraturan, gelaran jawatan dan lain-lain ungkapan supaya selaras dengan struktur organisasi badan-badan berkanun itu.

Dan yang ketiga, peraturan yang telah diubahsuai itu perlu pula mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan seterusnya persetujuan pihak berkuasa negeri dan diwartakan bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Masalah-masalah merumit dan melengahkan proses penggubalan dan peraturan-peraturan tatatertib bagi badan-badan berkanun negeri.

Dato' Speaker, enakmen yang dicadangkan ini meliputi semua badan berkanun di negeri ini kecuali Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang diliputi oleh Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1972. Majlis Agama Negeri Pulau Pinang juga dikecualikan daripada enakmen ini memandangkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 1993 telahpun memasukkan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam enakmen ini melalui pindaan yang dibuat dalam tahun 2000. Tiga buah badan berkanun Negeri Pulau Pinang dimaksudkan iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Tahun 1972 dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 1972. Dalam tempoh 10 tahun yang kebelakangan ini bilangan anggota Perbadanan

Pembangunan Pulau Pinang yang telah dikenakan tindakan tatatertib hanya 9 orang yang mana 2 daripadanya melibatkan pegawai-pegawai pengurusan dan professional, manakala 7 kes lagi adalah dalam kumpulan sokongan. Walau bagaimanapun, tiada kakitangan Lembaga Muzium ataupun Perbadanan Perpustakaan Awam telah dikenakan tindakan tatatertib setakat ini memandangkan bilangan kakitangan kedua-dua organisasi ini agak kecil. Seperti badan-badan berkanun negeri yang lain, badan-badan berkanun tersebut sehingga kini mengguna pakai peraturan tatatertib yang digunakan oleh Perkhidmatan Awam Persekutuan iaitu Peraturan-peraturan Awam Berkanun Kelakuan dan Tatatertib Tahun 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Tahun 1993 tanpa sebarang pengubahsuaian.

Rang Undang-undang Enakmen yang dibentangkan sekarang dalam Dewan yang mulia ini pada asasnya adalah berdasar kepada prinsip yang terdapat dalam kedua-dua peraturan tersebut tetapi dengan beberapa pengubahsuaian selaras dengan status dan struktur badan-badan berkanun tersebut. Tujuan rang undang-undang ini digubalkan sedemikian ialah untuk mewujudkan satu peraturan tatatertib yang seragam antara badan-badan berkanun negeri ini dengan perkhidmatan awam negeri yang juga menggunakan peraturan-peraturan yang sama dengan perkhidmatan awam persekutuan. Enakmen yang dicadangkan dengan peraturan tatatertib yang lengkap akan membantu badan-badan berkanun negeri melaksanakan urusan tatatertib dengan cara yang teratur dari segi undang-undang dengan adanya peraturan tatatertib yang seragam ini, badan-badan berkanun negeri tidak perlu lagi menggubal lagi peraturan tatatertib secara berasingan yang akan mengambil masa yang panjang dan mungkin melibatkan kos. Matlamat utama enakmen ini ialah untuk mewujudkan kawalan tata kelakuan dan tatatertib yang berkesan dalam konteks meningkatkan intergreti dan disiplin badan-badan berkanun yang berkenaan. Melalui enakmen ini badan-badan berkanun negeri dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan tatatertib dan mengenakan hukuman ke atas kakitangan yang melakukan kesalahan-kesalahan tatatertib dan disiplin termasuk menyalahgunakan kedudukan sebagai pegawai awam tidak bertanggungjawab, tidak menjalankan tugas, ingkar perintah dan sebagainya. Sungguhpun peruntukan-peruntukan ini bercorak unitif ia membantu untuk memupuk nilai-nilai murni serta meningkatkan tahap keutuhan dan komitmen dikalangan pegawai dan kakitangan badan berkanun. Sungguhpun pada keseluruhannya disiplin dan tatatertib dikalangan anggota badan-badan berkanun negeri adalah pada tahap yang memuaskan dan terkawal namun demikian enakmen ini tetap diperlukan untuk

meningkatkan kawalan disiplin serta memastikan supaya masalah salah laku dan disiplin ditangani dengan betul dan berkesan di dalam usaha untuk mewujudkan pegawai dan kakitangan yang berdisiplin dan produktif.

Untuk tujuan ini beberapa perkara diperkenalkan diperjelaskan dan diperkukuhkan di dalam enakmen ini. Antara peruntukan-peruntukan yang penting adalah mengenai surcaj dalam seksyen 14 penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam seksyen 9, penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib serta bidangkuasanya dalam seksyen 6 dan 7 masing-masing perjalanan prosedur tatatertib di bawah bahagian 5 Jadual Kedua dan Tatatertib Rayuan di bawah Bahagian kedua Jadual Ketiga. Satu ciri penting yang di masukkan dalam peruntukan-peruntukkan ini khususnya yang diperuntukan mengenai surcaj dan penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam ialah hak atau peluang untuk di dengar (dengan izin) *right to be heard* hendaklah diberi kepada seseorang pegawai atau kakitangan badan berkanun sebelum ianya boleh dikenakan tindakan surcaj atau ditamatkan perkhidmatannya. Peruntukan ini terkandung dalam Seksyen 15 bagi tindakan surcaj dan dalam Seksyen 11 bagi penamatan perkhidmatan. Penyeragaman peraturan dalam aspek-aspek tersebut seperti yang terdapat di dalam enakmen ini akan menghindarkan permasalahan tafsiran penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya yang sering dihadapi pada masa-masa yang lalu. Dengan peraturan yang seragam ini juga ianya dapat mewujudkan layanan yang lebih saksama dan adil antara pegawai dan kakitangan badan-badan berkanun negeri.

Dato' Speaker, saya percaya Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001 bersama dengan pelbagaia langkah pentadbiran dan perundangan yang lain akan menyumbang ke arah mewujudkan satu perkhidmatan awam yang cemerlang dan urus tadbir baik khasnya di antara badan-badan berkanun negeri untuk membantu kerajaan dan rakyat negeri ini untuk mencapai wawasan negara dan *The Penang Vision*. Dato' Speaker dengan ini saya memohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Dato' Speaker:

Sekarang dibuka untuk perbahasan kalau ada, kalau tidak ada saya, ada, Ahli Kawasan Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Dato' Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj 2001.

Dato' Speaker, saya merasakan bahawa sepertimana yang ditegaskan oleh Y.A.B. Ketua Menteri enakmen ini adalah penting untuk membolehkan pentadbiran kerajaan khususnya badan-badan berkanun sebagai pelaksana dasar kerajaan bagi mencapai wawasan dan juga program kerajaan. Kita memerlukan pentadbiran yang mengikut arahan dan juga perintah kerajaan dalam melaksanakan program-program kerajaan. Dalam enakmen ini, kita telah melihat bagaimana kerajaan berikhtiar untuk memastikan bahawa disiplin di kalangan anggota-anggota dan juga pegawai-pegawai pentadbiran terpelihara demi memastikan tidak ada penyelewengan yang berlaku semasa melaksanakan dasar-dasar dan juga program-program kerajaan. Dalam enakmen ini juga telah digariskan perkara-perkara yang boleh dibuat dan perkara-perkara yang tidak boleh dibuat. Sesiapa yang melanggar ataupun meningkah ataupun tidak mengikut mana-mana peraturan dalam enakmen ini akan dianggap sebagai bersalah dan tidak berdisiplin.

Di dalam menjalankan tugas-tugas seharian dan juga menjalankan tugas-tugas rasmi memang bagus dan juga baik untuk kita berpandu kepada peraturan-peraturan ataupun perkara-perkara yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan yang digariskan secara hitam putih tidaklah bermaksud untuk menghindar perkembangan dan kemajuan individu mana-mana pegawai tetapi ianya digunakan sebagai satu panduan supaya jentera pentadbiran kerajaan dan juga badan berkanun lebih berdisiplin. Mana-mana perbuatan yang tidak disenaraikan secara hitam putih biasanya dianggap atau dikira sebagai satu budaya dan juga nilai-nilai dan norma-norma yang boleh diterima oleh kalangan masyarakat sama ada masyarakat China, Melayu, India kita ada nilai-nilai dan budaya-budaya yang tidak disenaraikan atau ditulis secara hitam putih tetapi diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain dan mana-mana anggota masyarakat yang melanggar nilai-nilai, norma-norma ini akan dianggap tidak menghormati nilai-nilai dan norma-norma ini dan boleh dianggap sebagai kurang ajar.

Jadi dalam konteks melaksanakan dasar-dasar kerajaan kita mempunyai peraturan yang tertulis supaya kita boleh memandu pegawai-pegawai pentadbiran melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik tetapi pada masa yang sama dan juga kita mahu memastikan bahawa norma-norma, nilai-nilai budaya, adab yang tidak tertulis ini juga dipatuhi dan diikuti lebih-lebih lagi kita sebagai pemimpin yang terpilih oleh rakyat untuk menggubal undang-undang untuk memastikan bahawa jentera pentadbiran mematuhi undang-undang telah digubalkan kita perlu menunjukkan sikap dan juga kelakuan yang boleh diterima oleh pegawai-pegawai yang memandang kita sebagai pemimpin. Sebab itu Y.A.B. Perdana Menteri semasa menjadi Perdana Menteri pada tahun 80-an telah mencetuskan idea dan konsep kepimpinan melalui teladan.

Kepimpinan melalui teladan yang mempunyai maksud bahawa kita perlu menunjukkan satu teladan yang baik untuk diikuti dan dilihat oleh pegawai-pegawai kerajaan, yang melihat kita sebagai orang-orang yang bertanggungjawab dan juga orang-orang yang mempunyai kebijaksanaan dalam menggubal undang-undang. Apa yang berlaku semalam Dato' Speaker semasa penggulangan Y.A.B. Ketua Menteri, sikap dan kelakuan yang ditunjukkan oleh Ahli daripada Datok Keramat merupakan satu perkara yang di luar batasan yang boleh diterima oleh mana-mana pihak dan saya percaya kelakuan seperti ini adalah di luar batasan, di luar norma-norma dan nilai-nilai yang tidak tertulis, yang tidak boleh kita terima yangmana kita rasa adalah satu perkara yang tidak menghormati pemimpin lebih-lebih lagi pada ketua kerajaan. Sebab itu dalam konteks ini saya percaya kelakuan melepaskan geram...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Peraturan, Y.B. Dato' Speaker.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Peraturan 46(xiii) mendakwa seseorang Ahli yang lain ini di atas sesuatu perkara yang bersangkutan dengan dirinya sendiri; menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati; menyentuh peribadi seseorang, apakah perbahasan pada masa sekarang?

Dato' Speaker:

Yang mana satu Yang Berhormat maksudkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

46(xiii)(b), (c) dan (d) ketiga-tiga. Tarik balik.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat, ini pandangan, ini adalah peringatan daripada salah seorang daripada Ahli Dewan jadi ini tidak bermaksud untuk menghina sesiapa pada pandangan saya. Teruskan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Y. B. Dato' Speaker, contoh....(gangguan).

Dato' Speaker:

Teruskan Y. B. Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

47(4) Any question arising as to whether a Member is or is not in order shall be decided by the Speaker whose rulings shall be final upon all questions of order and procedure. Y. B. Dato' Speaker telah...(gangguan).

Dato' Speaker:

Saya telah buat keputusan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker.

Dato' Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, saya teruskan. Jadi untuk mengamalkan perangai dan kelakuan yang melepas geram, melontar, membaling buku dalam Dewan, membuat tuntutan supaya satu *rulings* perlu dibuat oleh Dato' Speaker sebelum seseorang itu akan mengambil tempat duduknya, saya rasa ini adalah di luar batasan yang boleh diterima oleh kita. Sebab itu untuk menjaga dan juga memelihara kewibawaan Dewan ini, maruah Dewan ini, saya rasa apa yang berlaku semalam terhadap Dato' Speaker adalah satu perkara yang juga tidak patut dan tidak memenuhi nilai-nilai yang boleh diterima. Saya berharap Ahli Datok Keramat akan meminta maaf kepada Y.B. Dato' Speaker kerana apa yang berlaku semalam. Saya rasa tersinggung Dato' Speaker, walaupun saya bukan pengerusi mesyuarat semalam tetapi saya meletakkan diri saya dalam kedudukan Dato' Speaker, saya boleh rasa tersinggung ke atas kelakuan sebegini yang memaksa, menuntut supaya melalui kelakuan yang melepaskan geram untuk mendapatkan satu *rulings* daripada Dato' Speaker. Sebab itu Dato' Speaker, saya percaya kita semua mahu menjaga maruah dan juga imej Dewan ini, kewibawaan Dewan ini dan kita tidak boleh membenarkan diri kita di kawal oleh emosi kita yang menjejaskan imej kita sebagai pemimpin, penggubal undang-undang apatah lagi pengamal undang-undang, penggubal undang-undang yang akan mengikat masyarakat, negara, rakyat kepada undang-undang yang kita gubalkan. Ini saya rasa adalah satu perkara yang penting yang perlu diingatkan kepada kita semua sebagai pemimpin-pemimpin yang di pilih oleh rakyat. Dengan itu Dato' Speaker, saya percaya melalui enakmen ini bukan sahaja kita mahu mengikat anggota dan pegawai-pegawai pentadbiran kita juga mahu melihat supaya pemimpin memimpin melalui teladan. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Dato' Speaker:

Terima kasih Yang Berhormat...(gangguan). Apa yang berlaku semalam itu biarlah berlalu, kita semalam berbahas dalam keadaan yang harmoni, penuh tolak ansur, jadi biarlah perkara itu berlalu dan berulang lagi seperti itu. Saya pun nampak Ahli daripada Datok Keramat semalam nampak macam garang sedikit, saya nasihat dia supaya bertenang dan saya harap dia dapat kawal emosinya untuk seterusnya jangan ulang lagi perkara seperti itu. Kita tidak mahu ambil tindakan hendak buang sesiapa daripada Dewan ini. Sekian. Siapa lagi yang ingin ambil bahagian.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001.

Dato' Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya tetapi tentang satu penjelasan Y.B. Padang Kota telah rujuk kepada saya. Saya mesti buat penjelasan oleh sebab sesiapa yang ada dalam Dewan ini kelmarin ada menyaksikan siapa yang marah dahulu, siapa yang buang buku dahulu, siapa yang tuduh saya sebagai niat jahat dengan emosinya, niat jahat...(gangguan).

Dato' Speaker:

Sudah Yang Berhormat, perkara tersebut sudah lepas... (gangguan). Biarlah perkara itu berlaku. Kita jadikan ini sebagai teladan dan panduan kepada kita, kalau Yang Berhormat ada *point* hendak bercakap pasal Rang Undang-undang ini teruskan, kalau tidak sila duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Hanya saya katakan pemimpin melalui teladan. Sekian, terima kasih.

Dato' Speaker:

Y. B. Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian mengenai Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib, *Surcharge* Pulau Pinang 2001. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri ada sentuh bahawa kerajaan mesti baik *good government*, saya ingin sentuh satu perkara iaitu adakah kakitangan kerajaan telah silap menulis alamat dan surat ini telah dihantarkan kepada parti kita dan menyentuh bahawa peruntukan oleh ADUN, Ahli Parlimen semua surat ada dihantarkan kepada semua kawasan ADUN tetapi saya terima surat ini berkenaan dengan Ahli Parlimen Jelutong peruntukan dibuat dan diminta oleh Ahli Parlimen tetapi saya nampak dan baru tahu semua peruntukan untuk Ahli Parlimen atau sesiapa, surat ini

mesti hantar ada *copy* kepada ADUN Batu Lencang tetapi sampai sekarang saya tidak pernah menerima *copy* untuk peruntukan di kawasan saya. Saya harap kalau ada *copy* tulis ADUN....(gangguan).

Dato' Speaker:

Perkara ini telah selesai Yang Berhormat sedang bercakap tentang peruntukan.

Ahli Kawasan Batu Lencang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Bukan, ini tentang kakitangan yang telah menulis silap alamat dan surat ini diberi kepada saya, baru saya faham ada perkara ini, satu perkara lagi saya ingin sentuh Ahli Majlis MPPP telah menyalah guna kuasa iaitu dengan pakai kad Ahli Majlis dengan bubuh syarikat dia dan sampai masa gulung tidak ada EXCO yang jelaskan ini. Saya harap kerajaan negeri dapat menjelaskan perkara ini mengapa Ahli Majlis boleh menggunakan kad ini meletak syarikatnya ini adalah penyelewengan kuasa *complete of interest* (dengan izin). Satu lagi perkara berkenaan ADUN-ADUN yang meminta mesin potong rumput saya rasa banyak ADUN yang minta.

Dato' Speaker:

Inipun masalah pembangunan juga, bagaimana Yang Berhormat kaitkan dengan tatatertib.

Ahli Kawasan Batu Lencang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Ini mengenai tatatertib ADUN, ada saya belum habis lagi mengenai bahawa mesin potong rumput ini di minta daripada MPPP tetapi harganya diletak RM1,350.00 tetapi diluar *market* iaitu *market price* (dengan izin) hanya RM800 atau RM950 sahaja dan semua ADUN saya ingat BN telah faham perkara ini telah berlaku, mengapa di jelaskan perkara ini. Terima kasih, saya memohon untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Dato' Speaker:

Siapa lagi yang hendak mengambil bahagian? Yang Berhormat Kawasan Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita barangkali terpesong sedikit daripada perbincangan kita kerana bagi saya adalah khusus kita bentang adalah Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun Negeri Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang 2001. Saya akan tumpukan kepada Rang Undang-undang yang dibentang, apa yang saya rasa kita perlu ambil perhatian ialah mengenai dengan Seksyen 7 rayuan bagi seorang pegawai yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib oleh suatu Jawatankuasa Tatatertib Rayuan dan rayuan ini adalah mengikut bahagian 2, jadual ke 3 ada lampiran. Saya ingin memperkatakan tentang perlantikan ahli-ahli dalam jawatankuasa rayuan tatatertib ini kalau kita tengok dalam jadual ini.

Yang Berhormat dia ada 2 Jawatankuasa Tatatertib dan juga Jawatankuasa Rayuan Tatatertib tidak boleh sama anggotanya dengan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan begitu juga kalau jawatankuasa perlantikan ataupun satu lembaga perlantikan, dia tidak boleh sama anggotanya dengan Jawatankuasa Tatatertib dan juga Jawatankuasa Rayuan Tatatertib di sini dengan jelas katakan Jawatankuasa Tatatertib Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah pengerusi Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya ialah Pegawai Kewangan Negeri, 2 orang anggota lembaga yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga dan begitu juga dengan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang saya bimbang di sini iaitu tidak termaktub bahawa tidak terjelus dan tercatat dengan jelasnya bahawa Jawatankuasa Rayuan Tatatertib ini 2 orang anggota lembaga dilantik oleh Pengerusi Lembaga hendaklah di tambah, hendaklah tidak sama, *not the same person* (dengan izin), hendaklah tiada orang yang sama menduduki jawatankuasa tatatertib. Itu yang saya bimbangkan kerana apa yang melantik dan juga yang *higher and fire* (dengan izin), tidak boleh orang yang sama walaupun kita bubuh sini dengan jelas bahawa 2 orang anggota tetapi Jawatankuasa Tatatertib juga bubuh 2 orang anggota lembaga tidak terkhusus ataupun dinyatakan dengan jelas, hendaklah orang yang sama (dengan izin), *not the same* Ahli Lembaga. Itu yang saya hendak bangkit. Saya rasa yang lain selepas tengok semua, saya rasa adalah mengikut juga tatatertib yang digunakan oleh kerajaan dan juga pihak berkuasa tempatan. Saya turut menyokong di atas Rang Undang-undang ini, cuma saya minta penjelasan dan juga kebimbangan saya tentang keadilan untuk menentukan tindakan tatatertib ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Speaker:

Fasal sebut keadilan, siapa lagi yang ingin mengambil bahagian? Kalau tidak ada saya jemput Y.A.B. untuk menggulung.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua ahli yang berucap mengenai Rang Undang-undang ini, saya merujuk kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan Ahli Batu Lintang membangkitkan masalah Ahli Majlis yang meletakkan nama syarikatnya di dalam kad ahli majlisnya. Saya minta supaya memberitahu kepada saya siapakah orang itu, supaya saya boleh menasihati semua ahli majlis supaya tidak berbuat demikian, memang mungkin ini satu kesilapan yang tidak disengajakan.

Yang keduanya mengenai masalah mesin potong rumput yang dibeli oleh pihak Majlis Perbandaran atau kerajaan negeri, kerajaan tempatan melebihi apakah disebut di luar apa yang terdapat dalam pasaran saya juga minta supaya Ahli Batu Lintang memberi satu maklumat secara bertulis menunjukkan nama dan juga *brand* dan jenis mesin potong rumput yang sama tetapi ada kedai-kedai yang menawarkan harga yang jauh lebih rendah daripada apa yang disebut. Kalau ada bukti seumpama ini, saya percaya akan dapat membantu kerajaan untuk membuat siasatan dan kerjasama Ahli Batu Lintang amatlah dihargai.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan, Dato' Speaker, sebenarnya surat khabar Kong Ming hari ini, seorang ahli majlis Encik Heng telah menjelaskan perkara ini, beliau juga telah menyatakan harga RM950 tetapi saya dapat tahu di tempat lain hanya RM700 lebih dan RM800 sahaja. Bagaimapun penjelasan beliau ada menyatakan kerana syarikat atau memberi mesin ini kepada MPPP mengambil masa 2 atau 3 bulan baru dapat duit sebab itu mereka letakkan harga begitu mahal.

Dato' Speaker:

Ini apa.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan daripada ahli majlis Encik Heng dalam surat khabar.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat, saya ingat ini tiada kaitan dengan perkara ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Penjelasan, adakah Encik Heng ucap sebagai seorang perseorang sendiri ataupun mewakili MPPP?

Dato' Speaker:

Ini tidak ada kaitan dengan perkara yang kita bincang dia punya *detail*.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Supaya Ketua Menteri boleh siasat perkara ini tidak ada bukti. Ini adalah penjelasan daripada ahli majlis.

Dato' Speaker:

Itu bolehlah dibuat di luar Dewan.

Ketua Menteri:

Perkara ini yang dibangkitkan oleh Ahli Batu Lancang akan diambil kira oleh pihak pentadbiran, sama ada Ahli Majlis Encik Heng yang berkenaan itu memberi jawapan sebagai persendirian atau bagi pihak Majlis pihak kami juga akan menyiasat dan menentukan sama ada betulkan kenyataan seumpama ini, nampaknya ahli majlis ucap bagi pihak syarikat yang berkenaan.

Yang keduanya perkara yang dibangkit oleh Ahli Penanti, mengenai keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan dan juga Jawatankuasa Perlantikan dan Kenaikan Pangkat. Memang sebagai amalan biasa yang melantik dan mengambil tindakan atau membuat kerja *the higher and the fire* merupakan *authority* yang sama iaitu yang melantik juga berhak untuk mengambil tindakan ini majikan mempunyai kedua-dua hak ini, tetapi

saya bersetuju bahawa Jawatankuasa Rayuan mesti mempunyai anggota-anggota yang berbeza daripada Jawatankuasa Tatatertib sebab kalau keanggotaan Jawatankuasa Rayuan adalah sama dengan Jawatankuasa Tatatertib, maka itu memang tidak betul, tidak munasabah manakah seseorang yang dikenakan tindakan tatatertib itu boleh merasa selamat untuk merayu kepada Jawatankuasa Rayuan yang mengandungi anggota-anggota yang membuat keputusan untuk menghukumkan beliau, sebab itu memang ini sebagai satu amalan biasa *very logical* bahawa Jawatankuasa Rayuan memang berbeza daripada Jawatankuasa Tatatertib. Di samping itu, saya ingin menarik perhatian kepada Seksyen 15.3; Pengerusi Lembaga iaitu Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib. Pengerusi Lembaga boleh atas sebab-sebab yang hendak direkodkan melantik mana-mana anggota lembaga atau mana-mana pegawai kerajaan negeri untuk bersidang sebagai anggota sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi menggantikan anggota yang dinyatakan dalam lampiran. Memang dia ada juga kebebasan untuk menggantikan sesiapa yang mungkin pada kebetulannya merupakan seorang Ahli Jawatankuasa Tatatertib dan oleh itu mungkin ada bercanggah dengan prinsip yang saya katakan tadi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Penjelasan, Y.B. Dato' Speaker.

Dato' Speaker:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Saya bimbang dari segi yang kita tidak mencatatkan secara khusus mengenai dengan orang yang tidak sama kerana saya hendak satu kes yang berlaku kesilapan pada sebuah pihak berkuasa tempatan atau *local authority*, dengan izin, maka *board* itu atau lembaga itu didapati keputusannya tidak sah kerana orang yang sama duduk dalam Jawatankuasa Tatatertib telah mengambil bahagian juga di dalam Jawatankuasa Rayuan sama ada itu secara kita terlepas pandang ataupun secara kesilapan yang berlaku dan apakah salahnya kalau kita letak di sini catatan, Jawatankuasa Rayuan itu hendaklah anggota yang tidak sama yang berada di dalam Jawatankuasa Tatatertib.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Penanti memang betul tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa secara amalan memang keanggotaan Jawatankuasa Rayuan adalah tidak sama dengan Jawatankuasa Tatatertib, itu secara amalan dan *logical, common sense* dan sekiranya ... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Maafkan saya. Dato' Speaker, kita tidak boleh anggapkan ini satu amalan ataupun satu yang logik kerana ini adalah kita semua manusia, Jawatankuasa Rayuan manusia dan semua manusia yang mungkin berlaku kesilapan. Kalau kita maktubkan di sini ataupun dalam kandungan atau *bracket* yang mengatakan adalah orang yang sama kalau letak di situ adalah menjadikan satu kecegahan dia ataupun dia *alert*, (dengan izin), bila ada termaktub di sini. Saya rasa Y.B. Dato' Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini tidak menjadi satu kesalahan bagi kita untuk menambahkan satu catitan sahaja iaitu *not the same person*, (dengan izin).

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang ada peruntukan-peruntukan juga yang boleh dianggap sebagai sesuai dan mencukupi kerana rang undang-undang ini sebenarnya mengikut rang undang-undang yang terdapat di peringkat persekutuan, kita ikut dengan begitu dekat. Saya ingin merujuk kepada 14.2: Pengerusi atau mana-mana anggota sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana rayuan yang dibawa di hadapan rayuan Jawatankuasa Tatatertib itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan, penelitian atau keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib itu berhubung dengan rayuan itu. Ini merangkumi lebih luas daripada apa yang disebut oleh Ahli Penanti iaitu kemungkinan pengerusi atau anggota sesuatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib itu memang bukanlah Ahli Jawatankuasa Tatatertib tetapi kemungkinan beliau ada perhubungan saudara-mara dengan orang yang terlibat, itu termaktub di dalam peruntukan ini, tidak boleh juga.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Dato' Speaker, di dalam Seksyen 14.2 tadi itu dia mengatakan berkaitan dengan persaudaraan, yang mengatakan hubungan dia dengan pesalah, kepentingan itu bermaksud kata hubungan bukan bermaksud kata *the same person* yang duduk di

dalam *board*. Saya rasa itulah pandangan saya yang membimbangkan saya. Dia adalah kepentingan dari segi hubungan antara pesalah dan perayu.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang saya mengambil kira apa yang dimaksudkan oleh Ahli Penanti tetapi apa yang saya jawab tadi ialah memang secara amalan kita tidak meletakkan anggota yang sama dalam Jawatankuasa Rayuan. Ini mana boleh dibuat, ini *common sense* dan ini memang... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Tapi Dato' Speaker, kesilapan ini memang berlaku.

Ketua Menteri:

Tetapi sudah nyatanya orang yang berkenaan boleh menunjuk kepada peruntukan di bawah 14 bahawa Ahli Jawatankuasa Rayuan yang sama dengan Ahli Jawatankuasa Tatatertib sekiranya ada, beliau boleh merujuk perkara ini bahawa ini memang ada kepentingan, saya ingat itu memang jelas dan dengan perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Penanti menjadi lebih jelas dan saya ingat itu memang memadai sebab selama ini apa yang diamalkan memang adalah jelas dan juga kita akan mengumumkan melalui warta anggota Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan adalah nyata kepada orang umum sama ada itu orang sama atau tidak, *so it should be very clear*. Dato' Speaker, perkara ini *very-very clear* dan amat jelas. Saya merujuk kepada perkara 23.1 dan kita bolehewartakan supaya adalah jelas kepada semua bahawa bukanlah orang yang sama, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Penanti kerana membangkitkan isu ini demi keadilan tetapi saya ingin menegaskan di sini memang selama ini kerajaan Barisan Nasional sangat adil, lebih adil daripada parti-parti lain walaupun ada nama keadilan pun.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Itu saya tidak kata apa-apa.

Ketua Menteri:

Ini bermaksud Ahli Penanti bersetuju.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Itu tidak bermaksudnya saya setuju, itu bukan saya yang kata, yang kata adalah Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Sedikit penjelasan. Saya memang tidak setuju, tadi saya ada mengatakan peruntukan kepada semua ADUN adalah tidak adil dan jelas sekali.

Dato' Speaker:

Y.B. ini perkara lain. Kalau hendak bincang perkara tersebut kena tunggu Dewan lagi sekali.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Y.B. Dato' Speaker, rakan saya daripada Batu Lancang membangkitkan perkara ini kerana Y.A.B. Ketua Menteri sebut mengenai parti Barisan Nasional yang adil sebab itu dia bangkit dan kata tidak adil.

Dato' Speaker:

Tidak boleh sebut sedikit pun. Sebut sedikit adil atau apa pun, ada-ada saja.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Penanti yang memberi pandangan secara membina dan juga dalam satu gaya yang bersopan-santun. Memang Ahli Penanti juga tingkah lakunya boleh dikatakan mengikut teladan seorang pembangkang tetapi tidak setanding dengan anggota-anggota Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Y.B. Dato' Speaker, saya *appreciate* dan terima kasih atas kepujian itu dan walaupun tidak setanding apa yang diperakukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri saya terima dan dengan ucapan terima kasih.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memang berterus terang dan baru sahaja diperingatkan oleh Y.B. Penasihat Undang-undang bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Penanti akan dikaji oleh kerajaan negeri dan sekiranya didapati perlu kami akan membuat pindaan kepada jadual kedua dan ketiga sebab pindaan kepada jadual itu boleh dibuat oleh kerajaan negeri. Oleh itu saya memang menghargai *idea* yang begitu membina daripada pembangkang pun, terima kasih dan saya memang bersetuju dengan Ahli Padang Kota bahawa kita semua sebagai wakil rakyat yang dipilih sebagai pemimpin mestilah juga menunjukkan teladan dari segi tingkah laku kita, perangai kita supaya kita boleh memimpin melalui teladan dan supaya kita boleh menjadi satu *role model* kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun dan rakyat jelata, terima kasih.

Dato' Speaker:

Terima kasih Y.A.B. Perbahasan telahpun selesai. Masalah yang kita hadapi ialah rang undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

"Ya". Sebulat suara.

Setiausaha:

Rang undang-undang bernama suatu enakmen, Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001.

Dato' Speaker:

Rang undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang undang-undang sekarang berada dalam jawatankuasa.

Setiausaha:

"Fasa 1 hingga 4".

Dato' Speaker:

"Fasa 1 hingga 4",

Adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Fasa 5 hingga 8".

Dato' Speaker:

"Fasa 5 hingga 8". A

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Fasa 9 hingga 13".

Dato' Speaker:

"Fasa 9 hingga 13".

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Fasa 14 hingga 22".

Dato' Speaker:

"Fasa 14 hingga 22".

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Setiausaha:

“Fasa 23 hingga 25”.

Dato’ Speaker:

“Fasa 23 hingga 25”.

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Setiausaha:

“Fasa 26 hingga 27”.

Dato’ Speaker:

“Fasa 26 hingga 27”.

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Setiausaha:

“Fasa 28 hingga 29”.

Dato’ Speaker:

“Fasa 28 hingga 29”.

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Setiausaha:

“Jadual Pertama”.

Dato' Speaker:

"Jadual pertama adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Jadual Pertama".

Dato' Speaker:

"Jadual pertama adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Jadual Kedua".

Dato' Speaker:

"Jadual Kedua".

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

"Jadual ketiga".

Dato' Speaker:

"Jadual Ketiga".

Adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Setiausaha:

Rang undang-undang bernama suatu enakmen untuk mengadakan satu peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dato' Speaker:

Tajuk penuh dan fasa yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen Badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang:

Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

Dato' Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang-rang undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya".

Dato' Speaker:

"Ya". Sebulat suara.

Setiausaha:

Enakmen badan-badan Berkanun Negeri, Tatatertib dan Surcaj Pulau Pinang Tahun 2001. Maka dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

Dato' Speaker:

Rang undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya menghohon menyokong.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ditangguhkan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di sepanjang persidangan kita iaitu selama 17 hari dengan aktif, dengan memberi pandangan-pandangan yang begitu bernas. Saya juga bersyukur kerana Dewan kita telah berjalan dengan elok dalam suasana yang harmonis biar pun kadang-kala ada timbul sedikit ketegangan tetapi ini semua dapat kita selesaikan dengan kebijaksanaan masing-masing dan dalam semangat Barisan Nasional. Kita merasa sungguh bernasib baik kerana mempunyai kerajaan yang begitu prihatin dan amat-amat bertimbang rasa dan telah bersedia menerima pelbagai pandangan dan kritikan yang membina dan ini menjadikan kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu telus sekali dan perkara ini diakui oleh pembangkang di dalam Dewan ini. Kepada para pembangkang juga saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi pandangan-pandangan yang tepat dan bernas.

Akhir sekali saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada yang beragama Islam, marilah kita kunjung mengunjung antara satu sama lain di hari tersebut dan kepada rakan-rakan kita yang beragama Kristian, Selamat Menyambut Hari Krismas pada 25 Disember nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dewan ditamatkan pada jam 11.20 pagi.